مجليس ڤربندران تمرلوه

# MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

## MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERANCANGAN BIL : 8 / 2003



## KERTAS KERJA BIL: 08/2003

TAJUK: GARIS PANDUAN ANJAKAN DAN PIAWAIAN BAGI KAWASAN PERUMAHAN ( TAMBAHAN DAN PINDAAN ) SERTA TATACARA MENGEMUKAKAN PELAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

**29 Julai 2003 ( Selasa )**
**9.30 Pagi**

*Bilik Mesyuarat Mawar*
*Majlis Perbandaran Temerloh*

NOREHAN BINTI MANAB
Ketua Bahagian Kawalan Bangunan
Majlis Perbandaran Temerloh

TEMERLOH

# GARIS PANDUAN UNTUK DISEDIA PAKAI ( TERKINI )

# SAMBUNGAN KEPADA RUMAH TERES



# Sambungan Kepada Rumah Teres

## A. SAMBUNGAN ANJUNG KERETA

i. Sambungan anjung kereta dibenarkan sehingga ke sempadan lot, tiang hendaklah dibina 0.8 meter (2 kaki 6 inci) ke dalam lot.

ii. Binaan hendaklah berbentuk terbuka.

iii. Sambungan hadapan bertutup atau berbilik tidak dibenarkan melewati garisan anjakan bangunan 6.1 meter (20 kaki).






B. SAMBUNGAN MENGHALA LORONG TEPI

i. Sambungan menghala ke lorong tepi 6 meter (20 kaki) atau kurang dibenarkan berbentuk terbuka dan tertutup.

ii. Cucur atap tidak dibenarkan mengunjur melewati garisan bibir longkang tepi.






# Sambungan Kepada Rumah Teres




**C. SAMBUNGAN MENGHALA JALAN TEPI**

i. Sambungan menghala ke lorong/jalan tepi 12.2 meter (40 kaki) ke atas tidak dibenarkan bertutup, dikekalkan kepada 6 meter (20 kaki)

ii. Sambungan terbuka dibenarkan minima 2 meter ke sempadan lot dari unjuran hujung bangunan.






D. SAMBUNGAN MENGHALA BELAKANG

i. Sambungan belakang menghala ke lorong belakang berukuran kurang dari 3.1 meter (10 kaki) dan 6 meter (20 kaki) dibenarkan sehingga kesempadan lot belakang dalam bentuk terbuka atau tertutup.

ii. Cucur atap tidak dibenarkan mengunjur melewati bibir longkang belakang.

iii. Bagi 'One Side Drain' pembinaan sesalur (gutter) dimestikan.






# Sambungan Kepada Rumah Teres

**SAMBUNGAN MENGHALA KE SEMPADAN BERSAMA LOT TEPI RUMAH SESEBUAH, BERKEMBAR DAN RUMAH TERES**

- Pemakaian sambungan ini adalah untuk susunatur yang terdahulu
- Bagi kelulusan pelan susunatur yang akan datang pembinaan laluan pejalan kaki selebar 10' 0" akan disediakan.
- Sambungan dibenarkan menghala kelaluan jalan kaki 5 kaki (1.5m) dari sempadan.






# Sambungan Kepada Rumah Teres

## SAMBUNGAN 'END LOT' DAN 'SIDE LANE' RUMAH TERES

- Sambungan terbuka/tertutup dan cucur atap dibenarkan sehingga 0.8m (2'6") kesempadan lot.
- Cucur atap tidak dibenarkan mengunjur melewati garisan bibir longkang.






# Sambungan Kepada Rumah Teres

## SAMBUNGAN RUMAH TERES



Sambungan Anjung Kereta



Sambungan Belakang



Sambungan Tepi Lorong



Sambungan Menghala Jalan Tepi

# SAMBUNGAN KEPADA RUMAH SESEBUAH / BERKEMBAR



# Sambungan Kepada Rumah Sesebuah / Berkembar

## A. SAMBUNGAN ANJUNG KERETA

i. Sambungan anjung kereta dibenarkan sehingga 2 meter sempadan lot.

ii. Binaan hendaklah berbentuk terbuka.

iii. Sambungan hadapan bertutup atau berbilik tidak dibenarkan melewati garisan anjakan bangunan 6.1 meter (20 kaki)






# Sambungan Kepada Rumah Sesebuah / Berkembar

B. SAMBUNGAN MENGHALA JALAN TEPI 12.1 METER, 20.1 METER (40 KAKI, 66 KAKI)

i. Sambungan menghala jalan tepi 12.1 meter (40 kaki) ke atas tidak dibenarkan bertutup, dikekalkan kepada 6.1 meter (20 kaki).

ii. Sambungan terbuka dibenarkan minima 2 meter ke sempadan lot dari unjuran hujung bangunan.

iii. Cucur atap tidak dibenarkan mengunjur melewati 2 meter dari sempadan lot






## C. SAMBUNGAN MENGHALA LORONG TEPI

Sambungan menghala ke lorong tepi 6.1 meter (20 kaki) dibenarkan terbuka atau tertutup sehingga 2 meter dari sempadan lot.






### D. SAMBUNGAN MENGHALA SEMPADAN BERSAMA

- Sambungan menghala ke sempadan bersama dibenarkan terbuka atau tertutup sehingga 2 meter dari sempadan lot.
- Unjuran hujung bangunan tidak kurang 2 meter (6 kaki 6 in) ke sempadan lot bersama.
- Tambahan terbuka dan tertutup.






### E. SAMBUNGAN MENGHALA BELAKANG

Sambungan menghala kebelakang dibenarkan terbuka atau tertutup sehingga 2 meter dari sempadan lot.







PANDANGAN SISI

# Sambungan Kepada Rumah Sesebuah / Berkembar

## RUMAH SESEBUAH / BERKEMBAR



Sambungan Anjung Kereta



Sambungan Tepi Lorong



Sambungan Belakang



Sambungan Menghala Jalan Tepi

# Sambungan Kepada Rumah Teres Kos Rendah



# Sambungan Kepada Rumah Teres Kos Rendah

A. SAMBUNGAN ANJUNG KERETA

i. Sambungan anjung kereta dibenarkan sehingga ke sempadan lot, tiang hendaklah dibina 0.8 meter (2 kaki 6 inci) ke dalam lot.

ii. Binaan hendaklah berbentuk terbuka.

iii. Sambungan hadapan bertutup atau berbilik tidak dibenarkan melewati garisan anjakan bangunan 4.5 meter (15 kaki).






8. SAMBUNGAN MENGHALA JALAN TEPI 9.1 METER, 12.1 METER (30', 40')

i. Sambungan menghala jalan tepi 9.1 meter (30 kaki) ke atas tidak dibenarkan bertutup, dikekalkan kepada 4.5 meter (15 kaki).

ii. Sambungan terbuka dibenarkan minima 2 meter ke sempadan lot dari unjuran hujung bangunan.






## Sambungan Kepada Rumah Teres Kos Rendah




**C. SAMBUNGAN MENGHALA LORONG TEPI 4.5 METER, 6.1 METER (15', 20')**

i. Sambungan menghala ke lorong tepi 4.5 meter, 6.1 meter (15', 20') atau kurang dibenarkan berbentuk terbuka atau tertutup.

ii. Cucur atap tidak dibenarkan mengunjur melewati garisan bibir longkang tepi.



### D. SAMBUNGAN MENGHALA BELAKANG

i. Sambungan belakang menghala ke lorong belakang berukuran 3 meter (10 kaki) dan 4.5 meter (15 kaki) dibenarkan sehingga kesempadan lot belakang dalam bentuk terbuka atau tertutup.

ii. Cucur atap tidak dibenarkan mengunjur melewati bibir longkang belakang.

iii. Bagi 'one side drain' pembinaan sesalur (gutter) dimestikan.






# Sambungan Kepada Rumah Teres Kos Rendah

## RUMAH TERES KOS RENDAH



Sambungan Anjung Kereta



Sambungan Tepi Lorong



Sambungan Belakang



Sambungan Menghala Jalan Tepi

# Sambungan Kepada Rumah Sesebuah / Berkembar Kos Rendah



# Sambungan Kepada Rumah Sesebuah / Berkembar Kos Rendah

A. SAMBUNGAN ANJUNG KERETA

i. Sambungan anjung kereta dibenarkan sehingga ke sempadan lot.

ii. Binaan hendaklah berbentuk terbuka.

iii. Sambungan hadapan bertutup atau berbilik tidak dibenarkan melewati garisan anjakan bangunan 4.5 meter (15 kaki).






B. SAMBUNGAN MENGHALA JALAN TEPI

i. Sambungan menghala jalan tepi 9.1 meter (30 kaki) ke atas tidak dibenarkan bertutup, dikekalkan kepada 4.5 meter (15 kaki).

ii. Sambungan terbuka dibenarkan minima 2 meter ke sempadan lot dari unjuran hujung bangunan.

iii. Cucur atap tidak dibenarkan mengunjur melewati 2 meter dari sempadan lot.






C. SAMBUNGAN MENGHALA SEMPADAN BERSAMA

i. Sambungan menghala ke sempadan bersama dibenarkan terbuka atau tertutup sehingga 2 meter dari sempadan lot.






## D. SAMBUNGAN MENGHALA BELAKANG

i. Sambungan menghala ke lorong belakang dan 'green strip' yang berukuran 6.1 meter (20 kaki) dibenarkan sehingga kesempadan lot belakang dalam bentuk terbuka atau tertutup.






## Sambungan Kepada Rumah Sesebuah / Berkembar Kos Rendah

### RUMAH SESEBUAH / BERKEMBAR KOS RENDAH



Sambungan Anjung Kereta



ngan Tepi Lorong



Sambungan Belakang



Sambungan Menghala Jalan Tepi

# Sambungan Mengahala Ke Sempadan Rezab Awam Dan Perparitan



# Sambungan Mengahala Ke Sempadan Rezab Awam Dan Perparitan

**SAMBUNGAN MENGHALA KE SEMPADAN REZAB AWAM (TNB, TANGKI SEPTIK, PADANG PERMAINAN) BAGI SEMUA JENIS RUMAH**

- Tambahan terbuka atau tertutup dibenarkan sehingga ke sempadan lot.
- Cucur atap hendaklah tidak melewati garis longkang tepi.






# Sambungan Mengahala Ke Sempadan Rezab Awam Dan Perparitan

## SAMBUNGAN TEPI MENGHALA KE LONGKANG MONSOON DAN PARIT JPS BAGI RUMAH SESEBUAH / BERKEMBAR / TERES

- Tambahan terbuka atau tertutup dibenarkan sehingga 2 meter ke garisan sempadan lot tepi.
- Rumah teres dibenarkan sehingga kesempadan lot tepi.
- Garisan cucur atap tidak dibenarkan mengunjur tidak melebihi dari 2'6" (0.8meter) dari dinding bangunan ke sempadan lot.






## Sambungan Mengahala Ke Sempadan Rezab Awam Dan Perparitan

SAMBUNGAN MENGHALA KE LONGKANG MONSOON DAN PARIT JPS DAN REZAB AWAM





